

**MCA sahkan kerusi Kuantan dipinjamkan kepada Umno**  
**Malaysian Insider**  
**April 11, 2013**  
**Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMPUR, 11 April — MCA mengesahkan hari ini kerusi parlimen Kuantan akan dipinjamkan kepada Umno pada Pilihan Raya 2013, sebagai langkah Barisan Nasional (BN) untuk menggunakan undi Melayu secara maksimum di kawasan kontroversi akibat daripada loji nadir bumi Lynas.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek mengumumkan mengenai itu hari ini, mengakui kerusi Kuantan sekarang ini dilihat lebih cerah untuk dimenangi oleh Umno kerana pengundi Melayu berjumlah 63 peratus daripada 50,000 pengundi.

“Kuantan dipinjamkan kepada Umno kerana Umno merasakan mereka boleh menang kerusi itu,” kata beliau dalam satu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat ahli jawatankuasa MCA di ibu pejabat parti.

Dr Chua juga mengesahkan kerusi Kota Laksamana di Melaka akan dipinjamkan kepada Parti Progresif Rakyat (PPP) sementara berlaku pertukaran kerusi dengan Gerakan di Pahang, dengan Gerakan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanah Rata dan MCA akan mengambil kerusi DUN Ketari.

Kuantan adalah kerusi parlimen di negeri perdana menteri kerajaan sementara Datuk Seri Najib Razak yang akan menjadi tumpuan dalam Pilihan Raya 2013 kerana kemarahan penduduk akibat daripada BN meluluskan projek Lynas.

Kerusi ini disandang oleh Naib Presiden PKR Fuziah Salleh yang mengetuai bantahan untuk menutup loji tersebut dan dikatakan popular dikalangan penduduk tempatan.

Dalam Pilihan Raya 2008, Fuziah mengalahkan Datuk Fu Ah Kiow, tokoh MCA dan bekas timbalan menteri apabila beliau mendapat 18,398 undi berbanding Fu 16,572, mendapat majoriti 1,826 undi.

Umno dikatakan akan meletakkan Datuk Suffian Awang, setiausaha politik kepada pengerusi BN untuk berhadapan dengan Fuziah dalam pilihan raya 5 Mei.

Ribuan telah berhimpun beberapa kali untuk menentang langkah kerajaan itu, di jalan raya dan mahkamah, akan tetapi kedua-duanya menemui kegagalan untuk menutup loji nadir bumi itu.

Semasa perhimpunan menyambut 1 Januari tahun ini, kumpulan aktivis alam sekitar Himpunan Hijau bersama ribuan yang berhimpun menuntut pertukaran regim dan menggesa penyokongnya tidak mengundi kerajaan yang meluluskan Lynas.

Dr Chua juga mengesahkan kerusi Kota Laksamana di Melaka akan dipinjamkan kepada Parti Progresif Rakyat (PPP) sementara berlaku pertukaran kerusi dengan Gerakan di Pahang, dengan Gerakan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanah Rata dan MCA akan mengambil kerusi DUN Ketari.

Beliau juga menjelaskan kemungkinan untuk meminjamkan kerusi Tronoh di Perak kepada MIC atau Wangsa Maju kepada Umno tetapi masih belum muktamad.

Presiden parti juga berkata bagi kerusi Perak, MIC kini memikirkan antara Tronoh atau Jelapang.

Tronoh sekarang ini disandang oleh V Sivakumar dari DAP sementara Jelapang disandang oleh Datuk Hee Yit Foong, ADUN bebas mesra BN yang pada 2009 merupakan antara penyebab kejatuhan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di Perak.

Di Wangsa Maju, kerusi disandang oleh bekas ahli parlimen PKR kini bebas Wee Choo Keong, Dr Chua mengakui kemarahan ahli MCA bahagian mengenai kemungkinan hilang kerusi kepada Umno dengan mengatakan "sudah dijangka".

"Saya boleh faham dengan kekecewaan mereka. Mereka telah bekerja keras untuk melihat MCA dan BN menang," katanya.

Akan tetapi Dr Chua yakin jika kerusi tersebut diberi kepada Umno, yang mempunyai peluang sama seperti MCA untuk menang disana, ahli partinya akan tetap bekerja keras untuk memastikan kemenangan BN.

Rakyat Malaysia akan membuat keputusan mengenai kerajaan akan datang pada 5 Mei yang dijangkakan paling sengit dalam sejarah.

Hampir 13.3 juta pengundi termasuk 5,200 diluar negara layak mengundi dalam Pilihan Raya 2013 untuk memilih 222 ahli parlimen dan 505 ADUN di 12 negeri. Sarawak telah menjalankan pilihan raya kecil pada 2011.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-sahkan-kerusi-kuantan-dipinjamkan-kepada-umno/>